

11 FEB 2003

Sabah-Menara/I

CASH SAMBUT BAIK CADANGAN PM SUPAYA HADKAN MENARA TELEKOMUNIKASI

KOTA KINABALU, 11 Feb (Bernama) -- Persatuan Pengguna Sabah (Cash) menyambut baik cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya bilangan menara telekomunikasi di negara ini dihadkan.

Presiden Cash Patrick Sindu berkata ia perlu bagi mengurangkan kos serta tidak mencacatkan pemandangan.

"Kita tidak mahu pemandangan indah di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu cacat. Kita juga tidak mahu sebarang kejadian yang tidak diingini seperti menara tumbang ke atas rumah penduduk," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Oleh itu, Cash menyokong usaha bagi mengehadkan jumlah menara telekomunikasi dan gesaan kepada penyedia perkhidmatan supaya berkongsi menara telekomunikasi.

Semalam, Dr Mahathir berkata pada masa ini di sesetengah tempat, ada tiga atau empat menara, sesetengahnya menjelikkan.

"Saya harap ada usaha untuk memastikan syarikat berkongsi menara. Sepatutnya hanya ada sebuah syarikat yang membina menara yang mempunyai ciri-ciri estetika dengan penyedia perkhidmatan lain menyewanya.

Patrick berkata cadangan itu kena pada masanya memadamkan menara ini kebiasaannya menyakitkan pemandangan di tengah-yengah keindahan lanskap di sesuatu kawasan.

"Sebagai contoh di Kota Kinabalu, anda boleh melihat banyak menara di sana sini. Ia mencacatkan pemandangan di sebab sudah sampai masanya mereka (penyedia perkhidmatan) perlu berkongsi menara telekomunikasi," katanya.

-- BERNAMA

NT LAT